

Jilid II
Bil. 55



Hari Khamis
24hb November, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran:

Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Y.B. P. Patto (Ipoh) [Ruangan 9489]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9490]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Banjir dan Pusat Pemindahan—Y.B. Tuan Lee Lam Thye (Bukit
Bintang) [Ruangan 9531]

USUL MENGENAI PELANGGARAN HAK DAN KEBEBASAN:

Y.B. Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera) [Ruangan 9534]

KANDUNGANNYA—(samb.)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1989

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.33 [Ruangan 9538]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1989

Jawatankuasa—

Maksud P.33 [Ruangan 9538]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 9542]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman. DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK. D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RARDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., p.i.s. (Kuala Selangor).

.. Menteri Kewangan, DATO PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

.. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI. P.P.N. (Hulu Langat).

- .. Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DAIUK KASIIAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- .. Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.I., J.M.N., S.M.T., P.P.I. (Setiu).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DATO' HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BTN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR Sm ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. AU, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan. DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat. TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN. K.M.N. (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri. TUAN OIHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P.. P.P.J. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH(Gopeng).
- .. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J.. B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDIL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR. D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M.. A.M.N.. P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A.. S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas),
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BAQAWI, D.M.P.N.. D.J.N.. K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M.. K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N.. S.M.S.. P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DAIUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan),
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- .. TUAN CHUA Jui MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN Gooi HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N.. P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T.. A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PIJNGGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM Krr SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- .. TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWPIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BiN YAAKOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUIIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIP BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.SIJ. (Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- .. TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN ,D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang),
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TUI SIING SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

- .. TUAN TING LING KIHW (Bintulu).
- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pusir Puteh).
- .. TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- .. DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- .. PUAN Sm ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. DATO' ZAINOL ABIDIN WN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid. A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazah.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT**Khamis, 24hb November, 1988***Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA***(Timbalan Yang di-Pertua mem-
perkerusi Mesyuarat)***PENGUMUMAN TIMBALAN
YANG DI-PERTUA****Cuti Kepada Ahli-ahli—Kebenaran:****Y.B. Tuan Lim Kit Siang,****Y.B. Tuan P. Patto**

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah dibenkan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961. saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di hawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang, Ahli bagi Kawasan Tanjong dari 21hb November, 1988 sehingga tamatnya Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parhmen Ketujuh; dan
2. Yang Berhormat Tuan P. Patto, Ahli bagi Kawasan Ipoh dari 21hb November, 1988 sehingga tamatnya Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Ketujuh.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin tidak hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Michael Asang.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Michael Asang tidak hadir).

KAWASAN "TOXIC WASTE"

3. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang mmta Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah benar Daerah Sepang akan dijadikan kawasan "TOXIC WASTE". Jika benar, adakah tidak ada pilihan lain. Adakah Yang Berhormat Menteri akan menimbang semula jika terdapat bantahan-bantahan dari penduduk.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, soalan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah pun diberi jawapannya oleh Yang Berhormat Menteri di Dewan yang mulia ini pada 19hb

Oktober yang lalu semasa menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bagan. Memandangkan kedua-dua soalan itu adalah sama rupanya, maka dengan itu saya tidak ada apa-apa untuk menambahnya lagi.

BELIA YANG BERDAFTAR

4. **Tuan Chua Jui Meng** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bilangan belia yang mendaftar di Pusat Latihan Belia Dusun Tua, Kuala Terengganu dan Perak pada tahun 1986 sehingga hari ini;
- (b) apakah dasar-dasar yang digunakan semasa memilih peserta-peserta ke program tersebut; dan
- (c) jenis program yang disediakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan—

- (a) Bilangan belia yang mendaftar di Pusat-pusat Latihan Belia Dusun Tua, Kuala Terengganu dan Institut Belia Usahawan di Perak adalah seperti berikut:
 - (i) Pusat Latihan Belia Dusun Tua—2,662 orang
 - (ii) Pusat Latihan Belia Kuala Terengganu—493 orang
 - (iii) Institut Belia Usahawan, Ipoh, Perak—580 orang
- (b) Dasar-dasar pemilihan calon-calon ke Pusat-pusat Latihan Belia yang berkenaan secara amnya termasuklah, antara lain:
 - (i) boleh menulis dan bertutur Bahasa Malaysia dengan baik;
 - (n) berbadan sihat dan tidak cacat anggota;

- (iii) dalam lingkungan had umur antara 17 hingga 25 tahun;
- (iv) tidak pernah mengikuti latihan vokasional di mana-mana sekolah atau mstitusi kemahiran yang lain;
- (v) berkelulusan sekurang-kurangnya tamat Tingkatan 3;
- (vi) tidak lagi melanjutkan pelajaran serta tidak menunggu keputusan peperiksaan, menganggur dan tidak pernah melakukan kesalahan jenayah;
- (vii) keutamaan diberikan kepada mereka yang menjadi ahli persatuan belia yang berdaftar.

Manakala pemilihan calon-calon untuk ke Institut Belia Usahawan pula dilihat dari segi:

- (i) telah memperolehi kemahiran dari mana-mana Pusat Latihan Belia dan Latihan Sambil Bekerja anjuran Kementerian Belia dan Sukan;
- (ii) telah mengikuti Kursus-kursus Dorongan Usahawan dan Melahir dan Membina Usahawan:
- (lii) dalam lingkungan had umur antara 18 hingga 29 tahun;
- (iv) berbadan sihat dan tidak cacat anggota;
- (v) tidak pernah melakukan jenayah;
- (vi) mesti menjadi ahli persatuan belia yang berdaftar;

(vii) mendapat kelulusan daripada Pengarah Pusat-pusat Latihan Belia atau Pengarah-pengarah Belia dan Sukan Negeri.

(c) Jenis-jenis program yang disediakan adalah seperti berikut:

Pusat Latihan Belia Dusun Tua

(i) Latihan Pembina (4bulan)

(ii) Latihan Pelopor. Jenis-jenis kursusnya seperti berikut:

- Elektrik (3 1/2tahun).
- Penyejuk Bekuan (2 tahun).
- Mekanik Radio/TV (2 tahun).
- Pemesin Am (2 tahun).
- Mekanik Am (2 tahun).
- Ketuk Mengetuk & Semburan Cat (2 1/2 tahun).
- Kimpalan Gas dan Arka (2 tahun).
- Pembuat Pakaian Wanita (1 tahun).
- Tukang Jahit & Pemotong Pakaian (2 tahun).
- Mekanik Motosikal (1 1/2 tahun).
- Mekanik Jentera Pertanian (2 1/2 tahun).
- Mekanik Jentera Berat (3 tahun).
- Mekanik Kenderaan Motor (3 tahun).
- Operator Traktor (1 tahun).
- Operator Jentera Berat (6 bulan).

— Memproses Hasil Pertanian (1 1/2 tahun).

— Pertanian Bersepadu (2 tahun).

— Pemasangan Paip Air (1 tahun).

— Tukang Kayu/Tanggan (2 tahun).

— Pembuat Perabot (2 tahun).

— Teknologi Binaan Bangunan (3 tahun).

Manakala *Pusat Latihan Belia Kuala Terengganu* pula adalah seperti berikut:

— Tukang Jahit dan Pemotong Pakaian (6 bulan).

— Penurap Bata dan Kerja Batu (1 tahun).

— Kimpalan Gas dan Arka (1 tahun).

— Pemasangan Paip Air (1 tahun).

— Elektrik (2 tahun).

Seterusnya di *Institut Belia Usahawan, Ipoh* kursusnya seperti berikut:

(i) Kursus Perancangan dan Penilaian Projek (3 minggu).

(ii) Kursus Pembangunan Usahawan (3 bulan); dan

(iii) Seminar Kemajuan Usahawan (setahun sekali).

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementenan Belia dan Sukan sebab mengadakan program-program yang begitu baik.

Saya diberitahu iaitu penyertaan belia-belia daripada golongan bukan bumiputera dalam program-program yang baik ini tidak sampai ke satu paras yang menggalakkan.

Saya ingin bertanya Kementerian Belia dan Sukan apakah sebab itu dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan lebih daripada mereka menyertai program ini. Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Memang kalau kita melihat angka percentage, Tuan Yang di-Pertua, tidak memuaskan penyertaan daripada belia-belia bukan bumiputera. Umpamanya kita dapati daripada jumlah yang saya beritahu tadi, belia-belia Cina hanya 2% manakala belia-belia India hanya 3%. Sebab-sebabnya:

- (i) kerana kepada setengah-setengah belia-belia Cina mengikuti kursus alatentera ini adalah satu perkara yang tidak berapa disenangi oleh mereka, mengikut kajian kita; dan
- (ii) kursus ini kepada mereka terlalu lama di antara 2 hingga 4 tahun dan kepada setengah-setengah belia-belia Cina pula kursus-kursus yang seperti ini, dia tidak payah mengikuti di Pusat-pusat Latihan Belia seumpama Pusat Latihan Belia Dusun Tua, Pertak dan sebagainya kerana mereka sudah ada bengkel-bengkel daripada ayah mereka sendiri untuk mengikutinya.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apabila sahaja belia-belia ini telah tamat kursus mereka, bagaimanakah kedudukan mereka dalam pasaran buruh di negara kita. Apakah dengan kemahiran yang telah diberi, latihan

yang telah diberikan kepada mereka, mereka dapat tempat dalam pasaran buruh ataupun kalau mereka mahu berdikari bekerja sendiri. setakat manakah, sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai oleh peserta-peserta belia ini? Apakah Kementerian telah membuat suatu pengesanan terhadap kedudukan mereka? Kalaulah ini tidak dilakukan artinya negara hanya membazirkan wang memberi latihan, tetapi mereka tidak mempunyai apa-apa erti dalam pasaran buruh ataupun bekerja sendiri.

Yang kedua, saya ingin mendapat tahu apakah dasar beiiia yang digubal oleh negara untuk mewujudkan belia bersepadu? Maksud saya kerana dalam sistem pendidikan sekarang telah pun dihebahkan untuk melahirkan insan bersepadu. Apakah Kementerian Belia juga mempunyai hasrat yang sedemikian untuk melanjutkan dasar yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan supaya ada kesinambungan kerana tidak semua golongan belia ini akan dapat meneruskan pelajaran sehingga sampai ke peringkat tinggi. mungkin ada yang terpaksa keluar daripada sekolah.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, lulusan daripada Pusat-pusat Latihan Belia sama ada daripada Pusat Latihan Belia Pertak, Dusun Tua, Kuala Terengganu dan di mana-mana, sebahagian besar daripadanya mendapat tempat di pasaran pekerjaan di pasaran buruh.

Kita dapati setengah-setengahnya belum pun mereka keluar daripada Pusat Latihan lagi sudah ada setengah-setengah kontraktor-kontraktor yang melamar mereka untuk bekerja dengan firma-firma ataupun di tempat-tempat kerja mereka. Tetapi setengah-setengah kursus barangkali yang terlalu banyak dan demandnya tidak berapa tinggi, maka ini ada juga masalah yang kita dapati di sana sini. Namun begitu, Kementerian sentiasa

mengambil berat tentang kebajikan lulusan daripada Pusat-pusat Latihan ini menerusi satu pertubuhan, persatuan lulusan Pusat-pusat Latihan Belia sama ada Pusat Latihan Belia Pertak ataupun Dusun Tua. Jadi mereka ini setelah lulus mereka masuk persatuan mereka dan kita trace mereka ini menerusi persatuan ini.

Mengenai kebajikan mereka dari segi ekonomi pula memanglah kita sentiasa memberi "priority" ataupun keutamaan untuk membantu lulusan-lulusan ini dalam projek-projek ekonomi umpamanya di dalam soal-soal Rancangan Belia Peladang, Rancangan Belia Peniaga, Rancangan Peniaga Kecil, kita utamakan kepada mereka yang lulus daripada Pusat Latihan Belia ini.

Begitu juga kita meminta kerjasama daripada agensi-agensi kewangan Kerajaan yang lain seperti MARA dan lain-lain untuk memberi keutamaan kepada belia-belia yang telah lulus berkursus di Pusat-pusat Latihan Belia ini.

Untuk soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Belia Bersepadu, memanglah hasrat dan cita-cita kita menerusi Dasar Belia Negara yang khulasah ataupun intisarinya hendak menjadikan belia-belia di seluruh negara kita ini, belia-belia yang tinggi akhlakunya, yang boleh berdikari, bersopan-santun dan berbagai-bagai lagi. Ini adalah merupakan satu proses kesinambungan daripada program-program, perancangan-perancangan yang dibuat oleh Kementerian-kementerian lain, umpamanya Kementerian Pendidikan.

Dato' Zainol Abidin bin Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tanhiah dan syabas kepada Kementerian Belia dan Sukan di atas usaha yang telah dijalankan bagi melatih belia-belia kita.

Soalannya adakah belia-belia yang dilatih di Pusat Latihan Belia Dusun Tua itu dijamin dengan pekerjaan? Itu yang pertama.

Yang keduanya, adakah tindakan susulan ataupun follow-up terhadap belia-belia yang lulus daripada Pusat Latihan ini kerana saya difahamkan banyak di antara mereka yang iulus di sini yang menganggur dan menghadapi masalah?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, masalah jaminan saya katakan bahawa kita sentiasa trace dan mengesan, mengenalpasti lulusan-lulusan kita itu. Tinggal lagi, masalah pengangguran bukanlah masalah belia sahaja, masalah negara yang kita hadapi sekarang. Faktor pengangguran boleh kita dapati di kalangan belia dan di kalangan orang-orang dewasa juga kerana pasaran pekerjaan, tempat pekerjaan sedikit daripada tenaga kerja.

PERTUMBUHAN SEKTOR EKSPORT

5. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sumbangan dari Pertumbuhan Sektor Eksport dalam keluaran Dalam Negara Kasar pada tempoh 1981-1988;
- (b) jumlah peningkatan eksport barangan keluaran kilang, komoditi pertanian dan galian mengikut peratus daripada tahun 1981-1988; dan
- (c) sejauh manakah penglibatan pengusaha tempatan dalam perdagangan eksport.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, sektor eksport telah menyumbangkan 47.1% atau \$22,431,000 daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 1981.

Sumbangan sektor ini telah meningkat pada setiap tahun sehingga tahun 1987 iaitu masing-masing mencatatkan:

Tahun	Peratus	Jumlah (Juta) \$
1982	49.2%	24,826
1983	52%	27,889
1984	55%	31,733
1985	55.8%	31,875
1986	64.8%	37,486
1987	67.6%	39,883

Bagi tahun 1988 ini, sumbangan sektor eksport kepada KDNK dijangkakan meningkat kepada 69.5% atau \$42,663 juta.

Bagi soalan (b) peratus peningkatan eksport barangan keluaran kilang, komoditi pertanian dan galian dari tahun 1981 hingga 1988 adalah seperti berikut:

- (i) Barangan Pekilang; Meningkatkan dari 19.6% atau \$5,051 juta pada tahun 1981 kepada 27.0% atau \$7,611,000; 29.7% atau \$9,797 juta; 31.3% atau \$11,915 juta; 32.1% atau \$12,229 juta; 42.3% atau \$15,126 juta dan 44.8% atau \$20,255 juta masing-masing bagi tahun 1982, 1983, 1984, 1985, 1986 dan 1987. Bagi tahun 1988 ini iaitu setakat lima bulan pertama eksport barang-barang perkilangan adalah 40.7% atau \$8,580 juta.

- (ii) Komoditi Pertanian; Pada keseluruhannya sektor pertanian telah mengalami

kejatuhan dari semua sumbangannya kepada eksport negara itu dari 42.8% atau \$11,012 juta pada tahun 1981 kepada 39.2% atau \$11,043 juta; 36.7% atau \$12,082 juta; 36.4% atau \$13,871 juta; 32.3% atau \$12,262 juta; 33.3% atau \$11,921 juta dan 33.9% atau \$15,323 juta masing-masing bagi tahun 1982, 1983, 1984, 1985, 1986 dan 1987. Sementara bagi tahun 1988 iaitu setakat lima bulan pertama sektor ini menyumbangkan 38.2% atau \$8,051 juta.

- (iii) Sumbangan sektor galian juga telah mencatatkan penurunan iaitu dari 36.2% atau \$9.324 juta bagi tahun 1981 kepada 33.0% atau \$9,306 juta; 32.9% atau \$10,825 juta; 31.3% atau \$11,901 juta; 34.5% atau \$13,163 juta; 23% atau \$8,224 juta dan 20.4% atau \$9,222 juta. Masing-masing bagi tahun 1982, 1983, 1984, 1985, 1986 dan 1987 dan bagi tempoh 5 bulan pertama tahun 1988 sektor galian menyumbangkan sebanyak 20.7% atau \$9,361 juta kepada eksport negara. Bagi

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, panjang lagikah? Sudah lima mimt.

Tuan M. G. Pandithan: Lagi satu paragraf.

Timbalan Yang di-Pertua, (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya beri setengah minit sahaja.

Tuan M. G. Pandithan: Sebab apa, soalan pun panjang, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh beri Jawapan Bertulis, sebab mereka banyak hendak bertanya.

Tuan M. G. Pandithan: Saya cuba habiskan.

Penyertaan pengilang dan perdagangan tempatan di dalam kegiatan eksport adalah menggalakkan. Mereka telah menunjukkan minat yang positif dalam usaha-usaha penggalakan eksport dengan menyertai rombongan-rombongan galakan eksport dan pameran perdagangan anjuran Kerajaan, bengkel dan workshop galakan eksport dan sebagainya di bawah konsep "Malaysia Incorporated" pula didapati lebih banyak lagi persatuan-persatuan pengilang serta Dewan-dewan Perdagangan dan Perindustrian tempatan telah mengambil inisiatif sendiri menganjurkan lawatan-lawatan galakan eksport ke luar negeri untuk meningkatkan eksport di pasaran yang sedia ada serta menerokai pasaran-pasaran baru.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan pertama, apakah sebab-sebabnya kejatuhan eksport barangan ataupun komoditi pertanian seperti mana yang dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu jatuh dari 42.8% hingga 39.2%.

Kedua, daripada eksport barangan keluaran kilang ini, adakah trend yang menunjukkan bahawa pergantungan kepada barangan elektronik sedang menurun iaitu trend terhadap penipkatan pengeksporan barang-barang kilang yang bukan elektronik. Adakah wujud trend itu?

Tuan M. G. Pandithan: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan untuk soalan pertama, harga komoditi telah jatuh dalam pasaran antara bangsa.

Kedua, trend untuk barang elektrik dan elektronik pada tahun 1987 tidak berubah. Pada tahun 1988 trend yang sama.

AMNESTY INTERNATIONAL- CAWANGAN

6. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jika Kerajaan mempunyai sebarang bantahan kepada rakyat Malaysia untuk menubuhkan satu cawangan tempatan organisasi hak asasi manusia dunia luas yang bernama Amnesty International.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang peruntukan dalam Akta Pertubuhan 1966 yang melarang atau menegah seseorang itu dari membuat permohonan untuk mendaftarkan sesebuah pertubuhan atau cawangan penubuhan negara itu.

Mengikut Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 itu Pendaftar Pertubuhan adalah mempunyai kuasa untuk menimbangkan sebarang permohonan untuk pendaftaran sejajar dengan kehendak peruntukan undang-undang berkenaan'.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan hak asasi manusia adalah satu perkara yang penting dan serius, seperti terbukti dalam perbincangan yang berlaku di atas perkara yang sama dalam Persidangan CPA di Canberra pada bulan September lalu, boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu adakah Kerajaan bercadang menubuhkan satu cawangan Amnesty International di Parlimen ini seperti dilakukan oleh lain-lain Parlimen seperti Australia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, serius tidak

seriusnya perkara ini terpulunglah kepada pihak yang bersangkutan. Jika sekiranya pihak yang bersangkutan merasakan bahawa perkara ini serius, permohonan boleh dimajukan dan pihak Kerajaan akan menimbangkan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri soalan tadi iaitu adakah hak asasi manusia di negara Malaysia ini begitu buruk kalau dibandingkan dengan hak asasi manusia di lain-lain negara di dalam dunia ini. Itu soalan saya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya sebagai rakyat Malaysia merasakan hak asasi manusia di Malaysia ini adalah yang paling baik sekali di dunia.

JALAN-JALAN DIKOREK TANPA KEBENARAN

7. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kerjaraya menyatakan seramai berapa banyak syarikat atau agensi telah didenda atau tindakan diambil ke atas mereka kerana mengorek jalan-jalan tanpa kebenaran Kementerian.

Menteri Kerjaraya (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, sehingga ke masa ini hanya sebuah syarikat swasta sahaja dan 4 agensi Kerajaan yang diambil tindakan kerana mengorek jalan tanpa kebenaran atau tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kerjaraya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun Yang Berhormat Menteri menyatakan tadi bahawa kerja mengorek jalan oleh agensi berkenaan perlu kebenaran tetapi kemungkinan syarat-syarat itu juga

telah dilanggar oleh agensi Kerajaan, kerana terdapat misalnya di tempat saya tinggal di Bukit Damansara, sudah tiga tahun jalan raya dikorek sehingga sekarang masih dikorek juga dan di tempat-tempat lain pun begitu juga. Jadi, yang menjadi culprit, dengan izin, sebenarnya ialah agensi-agensi Kerajaan seperti LLP, Jabatan Bekalan Air dan sebagainya. Jadi, apakah penyelarasan yang wujud di antara Kementerian beliau dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain itu dapat berkesan supaya pengorekan jalan itu dapat dikurangkan.

Soalan yang kedua, adakah tindakan yang berkesan diambil terhadap agensi-agensi Kerajaan yang bukan swasta yang begitu melulu mengorek jalan-jalan itu sehinggakan mengganggu ketenteraman awam?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama dari Ahli Yang Berhormat itu kawasan Bukit Damansara bukanlah dalam kuasa Yang Berhormat Menteri Kerjaraya tetapi itu adalah di dalam kuasa Dato Bandar.

Yang kedua, tempat-tempat lain iaitu yang termasuk dalam kuasa Jabatan Kerja Raya, kita telah pun mengambil beberapa tindakan. Untuk memberikan penjelasan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai contohnya, di Negeri Pulau Pinang dalam tahun 1987/1988 sebanyak 41 kejadlan mengorek jalan tanpa diperbaiki yang melibatkan 4 agensi Kerajaan telah diberikan amaran. Jabatan Kerja Raya telah membaikpulih keadaan ini dengan mengenakan kos bayaran membaikpulih ditambah 15% lagi daripada kos membaikpulih on cost ke atas agensi-agensi tersebut iaitu pada tahun 1987. Agensi-agensi itu ialah seperti berikut:

Syarikat Telekom — 4 kes.
Malaysia Berhad

Lembaga Letrik Negara — 5 kes.

Pihak Berkuasa Air — 8 kes.
Pulau Pinang
Majlis Perbandaran — 3 kes.
Pulau Pinang

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang itu tidak di daiani kuasa Menteri Kerjaraya iaitu satu agensi di dalam kuasa Kerajaan Negeri.

Jadi, sudah terang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita telah mengambil beberapa tindakan di atas agensi-agensi yang tidak mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian Kerja Raya atau Jabatan Kerja Raya.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah yang Berhormat Menteri sedar bahawa di waktu banjir menenggelami Lebuhraya Lipis-Gua Musang pada 20hb, 21hb dan 22hb November baru-baru ini pemandu-pemandu kereta yang beratus-ratus jumlahnya telah terperangkap di tengah-tengah bukit telah bermuafakat bergotong royong mengorek jalan iaitu tebing-tebing jalan untuk mengeringkan air, mengalirkan air dan juga untuk melintasi kawasan yang ditenggelami itu melalui tepi-tepi bukit kerana sepanjang masa tiga hari tersebut tidak ada sebuah pun jentera atau kenderaan atau pegawai-pegawai daripada JKR yang melintasi, melawat jalan-jalan tersebut. Tempat-tempat yang terlibat ialah di Merapoh, Cegar Perah, Padang Tengku dan berhampiran dengan Kuala Lipis. Jalan-jalan itu walaupun ditenggelami banjir boleh didatangi oleh Unit-unit Penyeliaan JKR. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri, pada masa yang akan datang mengarahkan pada musim-musim banjir supaya JKR Negeri atau Daerah melengkapkan satu unit peronda JKR untuk mengawasi atau melawati jalan-jalan yang mungkin ditenggeiami banjir

bagi membantu pemandu-pemandu kenderaan yang teriekat ataupun terperangkap. Dalam pengalaman yang saya sebutkan tadi, saya sendiri terperangkap selama tiga hari dan saya dapati apabila hendak melintasi kawasan yang ditenggelami air itu terpaksa pemandu-pemandu mengambil risiko untuk mencuba sendiri dan ada di antara kenderaan yang terbabas dan hanyut ke dalam parit. Sekian, terima kasih.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, unit-unit yang berkuasa untuk menjalankan kerja-kerja kecemasan dalam masa berlaku banjir dan juga darurat yang lain sedang bekerja di dua buah negeri sekarang iaitu dahpada Ibupejabat dan juga di Negeri Kelantan dan Terengganu dan banyak kakitangan Kementerian Kerja Raya sedang bekerja di kedua-dua buah negeri tersebut tetapi insiden yang disebutkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat itu saya tidak dimaklumkan oleh kerana itu saya tidak mengetahui berlakunya satu insiden seperti itu. Walau bagaimanapun, saya akan menyiasat perkara ini dan meminta Jabatan Kerja Raya untuk membaiki kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

HOSPITAL DUCHESS OF KENT, SANDAKAN—PENDAPTARAN PESAKIT

8. Tuan Pitting bin Haji Mohd. Ali minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Menteri menyedari tindakan kakitangan Rumah Sakit Besar—Duchess of Kent Hospital Sandakan yang telah menahan dan mengambil kad-kad pengenalan pesakit-pesakit tertentu kerana kewajipan begini adalah tidak seharusnya dilakukan oleh kakitangan rumah sakit selain daripada pihak berkuasa iaitu pihak polis. Jika menteri menyedari, apakah

sebab-sebabnya dan jika tidak mengapakah perbuatan ini harus berlaku, minta dijelaskan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, kakitangan Hospital Besar Duchess of Kent, Sandakan tidak pernah saya diberitahu menahan atau mengambil kad pengenalan pesakit-pesakit. Tetapi terdapat dua orang kerani yang mengendalikan pendaftaran beranak dan kematian yang datang dari Jabatan Pendaftaran Negara dan ditempatkan di Hospital tersebut yang telah diberi kuasa oleh pihak atasan di Jabatan Pendaftaran itu untuk menahan kad-kad pengenalan pesakit yang diragui untuk penyiasatan selanjutnya.

Tuan Joe Ojhi Supiring: Adakah yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang supaya mendapatkan kerjasama daripada Jabatan Pendaftaran Negara supaya mengawasi semua pesakit-pesakit yang datang, out-patient dan menahan kemungkinan pemegang-pemegang kad palsu yang datang ke rumah sakit tersebut?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan tugas saya sebagai Timbalan Menteri Kesihatan tetapi itu tugas Jabatan Pendaftaran. Diharap dapat ditimbulkan semasa dalam membahaskan Belanjawan Dewan Negeri.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita difahamkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan bahawa dua kerani ditempatkan di Bahagian Pendaftaran untuk mengesan surat-surat kelahiran paisu dan kad-kad yang diragui. Setakat ini, saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan, berapakah kes-kes ataupun kad-kad pengenalan yang telah didapati oleh Bahagian

Pendaftaran di mana ditempatkan dua kerani tersebut?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya ditahamkan bahawa dua kerani itu ditempatkan di hospital itu bukan untuk mengesan kad-kad palsu tetapi untuk membantu mendaftarkan hal-hal beranak dan kematian.

Mengenai butir-butir berapakah kad-kad yang terdapat, yang diragui atau palsu, saya tidak mengetahui dan kena ditanyakan kepada Jabatan Pendaftaran.

PELOMBONG BUMIPUTERA DAN PEMBUKAAN LOMBONG BARU

9. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) jumlah lombong yang dibuka semula atau pembukaan lombong-lombong baru berikutan kenaikan harga timah yang tinggi pada masa kini dan apakah usaha-usaha Kementerian bagi menjamin harga bahan logam itu kekal di paras yang tinggi;
- (b) adakah pelombong-pelombong Bumiputera atau orang perseorangan mendapat faedah hasil daripada kenaikan harga timah ini dan apakah usaha Kementerian bagi menolong terus pelombong Bumiputera mencapai kejayaan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan di sini bahawa harga timah pada masa kini tidaklah boleh dianggap sudah mantap dan kenaikannya baru-baru ini masih belum boleh dianggap sebagai satu perkembangan yang positif. Ini adalah memandangkan bahawa naik turunnya harga timah

bergantung kepada beberapa faktor seperti keadaan permintaan, bekalan, stok serta perubahan tukaran wang asing.

Kenaikan harga timah buat masa ini dapat dikaitkan dengan keberkesanan Skim Merasionalisasikan Bekalan Timah (SRS) yang telah dilancarkan oleh Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) sejak 1hb Mac, 1987. Walau bagaimanapun, faktor perubahan tukaran wang asing khususnya di antara £ sterling dan US\$ dengan M\$ juga didapati telah mempengaruhi kenaikan harga semasa. Oleh yang demikian, adalah di luar kuasa Kementerian ini untuk menjamin supaya harga timah terus kekal pada paras yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini lebih merupakan satu usaha daripada semua pihak yang terlibat dan dengan meneruskan penyertaan Malaysia di dalam Skim ATPC itu, harga timah dijangka akan dapat mantap di suatu paras yang wajar yang dianggarkan antara M\$20 hingga M\$22 sekilogram.

Tuan Yang di-Pertua, sejak 1hb Mac, 1988, sebanyak 51 permohonan untuk membuka lombong baru telah pun diluluskan. Walau bagaimanapun, sehingga bulan September, 1988 hanya 5 buah daripada jumlah tersebut telah memulakan operasi mereka.

Semenjak kenaikan harga timah baru-baru ini, bilangan lombong milik Bumiputera yang beroperasi telah meningkat kepada 18 buah pada akhir bulan Jun 1988 berbanding dengan hanya 10 buah sahaja yang terdapat pada akhir tahun 1986.

Bagi membantu para pelombong Bumiputera, syarat-syarat yang dikenakan ke atas permohonan-permohonan untuk membuka

lombong-lombong baru ataupun untuk membuka semula lombong-lombong telah juga dilonggarkan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berkaitan dengan lombong-lombong yang tidak dapat dibuka semula sama ada pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja ada dibayar wang pampasan dan sekiranya ini ada dibuat, saya ingin mendapat tahu sehingga hari ini berapa jumlah wang pampasan yang telah dibayar kepada pihak yang berkenaan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pertanyaan ini melibatkan angka, saya minta notis.

Puan Ling Chooi Sieng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa Brazil akan menggantikan negara kita sebagai pengeluar timah utama. Yang Berhormat telah menyatakan tidaklah penting jikalau kita menjadi pengeluar utama atau tidak asalkan kita mengekalkan harga timah di pasaran dunia.

Saya ingin bertanya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada bila kita menjadi pengeluar yang kedua, bolehkah kita mengekalkan harga pasaran dunia supaya pendapatan daripada timah tidak akan terjejas.

Dato Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, soal sama ada Malaysia menjadi pengeluar pertama di dunia ataupun Brazil menjadi pengeluar utama dunia tidak ada perkaitannya dengan soal harga. Tidak semestinya apabila kita menjadi pengeluar utama maka harga akan naik dan begitu juga kalau Brazil menjadi pengeluar utama tidak semestinya harga turun atau naik.

Saya telah jelaskan faktor-faktor yang telah mempengaruhi kenaikan dan penurunan harga tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud); Yang Berhormat Tuan Maidom P. Pansai.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Maidom P. Pansai tidak hadir)

KONSEP "ZERO-WASTE" DALAM INDUSTRI KELAPA SAWIT

11. Dato' Dr Affudin bin Haji Omar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah konsep zero-waste di dalam industri kelapa sawit dapat direalisasikan dalam jangka masa yang singkat. Selain dari menggariskan rangka teorinya, apakah usaha yang telah dilakukan oleh PORIM, Universiti-universiti dan lain-lain Agensi Kerajaan untuk mencapainya. Apakah kedudukan usaha mengeluarkan minyak disel dari minyak kelapa sawit.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, 'konsep "zero-waste" dengan izin, bagi maksud menggunakan bahan-bahan terbuang kepada penggunaan yang berfaedah atau mempunyai nilai komersial memang telah diamalkan dalam industri kelapa sawit di negara ini. Umpamanya bahan-bahan buangan kilang kelapa sawit seperti tempurung, tandan kosong, sabut dan lain-lain telah digunakan sebagai bahan pembakar, makanan haiwan dan baja.

Tandan-tandan kosong dan pelepah kelapa sawit di peringkat ladang telah digunakan sebagai sungkupan bagi menambahkan kesuburan tanah dan perlindungan tanah serta memperbaiki hasil ketuaran pokok. Tandan-tandan kosong juga telah digunakan untuk menghasilkan cendawan. Sisa atau efluen dari kilang kelapa sawit juga

mengandungi zat-zat pemakanan pokok yang tinggi yang boleh digunakan sebagai baja.

Menurut kajian PORIM, kilang kelapa sawit yang mempunyai keupayaan memproses 60 tan buah tandan basah sejam mampu menghasilkan baja dari efluen ini yang bernilai di sekitar \$600,000 setahun.

Dalam masa yang sama kaedah-kaedah rawatan efluen untuk perolehan baja ini berupaya mengelakkan kadar pencemaran air di kawasan persekitaran. Selain dari itu PORIM mempunyai beberapa projek yang mempunyai nilai komersial yang sedang dilaksanakan dari penghasilan biogas, palpa dan kertas, atap genting dan lain-lain bahan binaan daripada pelepah dan batang kelapa sawit. Kajian-kajian ini dilaksanakan bersama-sama pakar-pakar di dalam dan luar negara.

Mengenai kajian pengeluaran diesel minyak kelapa sawit, sebuah logi rintis telah pun ditubuhkan pada tahun 1986. Ketika ini logi rintis berkenaan telah beroperasi sepenuhnya dengan keupayaan pengeluaran 3,000 tan setahun. Sejumlah 300,000 tan minyak ini telah dihasilkan setakat ini.

Ujian-ujian lasak penggunaan minyak diesel daripada kelapa sawit yang dihasilkan itu sedang dilaksanakan dengan giatnya ke atas enjin-enjin kenderaan dan jentera-jentera lain. Setakat ini secara teknikalnya prestasi minyak diesel ini sebagai bahan bakar amat menggalakkan dan setanding dengan diesel petroleum, kecuali dalam beberapa aspek seperti sifat-sifat "corrosive" atau sifat-sifat kekaratan kepada beberapa bahagian enjin dan kenderaan yang sedang diberi penilaian oleh sebuah Jawatankuasa Pemandu Minyak Diesel daripada Kelapa Sawit. Pencapaian yang menggalakkan ini telah menarik minat

Syarikat Daimler-Benz iaitu syarikat pengeluar kereta Mercedes-Benz iaitu sebuah syarikat pengeluar enjin diesel yang terkemuka di dunia untuk menyertai ujian tahan lasak ini dengan lebih aktif pada tahun hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, minyak diesel daripada kelapa sawit ini bukan sahaja merupakan sumber alternatif bahan bakar yang baik malah ia merupakan sumber bahan mentah yang penting untuk industri oleokimia.

Di samping itu proses pengeluaran minyak diesel ini turut menghasilkan bahan sampingan yang berharga iaitu yang dipanggil "gliserol" yang mempunyai nilai pasaran di sekitar \$2,800 setan.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam pengertian konsep "zero-waste" adakah kemungkinan umbut kelapa sawit dijadikan the king salad sepertimana ataupun setaraf dengan artichoke iaitu satu umbut dari sejenis palm di Amerika Selatan yang dimakan oleh orang-orang kaya.

Yang kedua, adakah Kementerian bercadang membenamkan gagasan hendak mengeluarkan diesel seterusnya daripada minyak kelapa sawit kerana wujudnya kesan negatif dari segi psikologi pengguna-pengguna iaitu bagaimana sesuatu barang makanan dapat dijadikan minyak pembakar yang busuk dan kotor.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan kajian-kajian mengenai umbut kelapa sawit juga sedang dijalankan dengan kerjasama MARDI, tetapi sama ada boleh disesuaikan dengan selera orang ramai terutamanya consumers antarabangsa adalah satu soal yang perlu dikaji dengan teliti.

Mengenai soalan yang kedua, perkara yang penting yang menjadi ukuran sama ada minyak disel daripada kelapa sawit boleh dikeluarkan atau tidak secara komersial adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor ekonomi iaitu sama ada kita boleh mengeluarkan minyak disel ini secara yang menguntungkan berbanding dengan harga minyak disel daripada petroleum. Saya percaya soal sama ada ia mempunyai kesan psikoloji tidak timbul oleh kerana sebenarnya penggunaan minyak kelapa sawit ini berbagai-bagai, termasuk penggunaan untuk dijadikan sabun dan lain-lain barang industri.

BEKALAN ELEKTRIK— MEMPERLUASKAN

12. Tuan Taimin bin Lumaing minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah pihak Kementerian ada cadangan dan memberi peruntukan keutamaan supaya bekalan elektrik yang hanya ditumpukan sahaja di Pekan Nabawan itu diperluaskan lagi ke kampung-kampung berhampiran dengan pekan Nabawan seperti Kampung Bahagia, Munni, Melinja, Lima dan Enam.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha telah dan sedang dijalankan untuk memperluaskan bekalan elektrik ke sekitar Pekan Nabawan.

Bagi Kampung Munni, projek ini telah pun siap pada tahun 1985 dengan perbelanjaan sebanyak \$156,000 bagi faedah 180 pengguna. Bagi Kampung Lima pula, ianya telah dimasukkan ke dalam cadangan pelaksanaan tahun 1988 dengan anggaran kos sebanyak \$500,000 untuk faedah 190 pengguna. Manakala bagi Kampung Bahagia, Kampung Melinja dan Kampung Enam pula bekalan akan dilaksanakan pada tahun-tahun yang akan datang.

Perlu ditegaskan iaitu sememangnya menjadi hasrat Kerajaan untuk memperluaskan bekalan elektrik ke seluruh kawasan luar bandar termasuklah di kawasan Pekan Nabawan. Walau bagaimanapun, sebagai mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hasrat itu tentu sekali tidak dapat dilaksanakan secara sekaligus tetapi terpaksa dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Tuan Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar berpuas hati dengan prestasi pelaksanaan bekalan elektrik luar bandar?

Kedua, saya ingin tahu apakah kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh pihak Kementerian berkenaan untuk sesuatu kampung atau tempat itu menjadi prioritas untuk mendapatkan bekalan tenaga elektrik ini?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya berpuas hati dengan pelaksanaan bekalan elektrik yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dengan kerjasama daripada LLN. Bagaimanapun, kita tidak akan berpuas hati berkenaan dengan peratus atau jumlah bekalan elektrik yang disalurkan ke luar bandar sehingga peratus ini mencapai sekurang-kurangnya 98%. Kita akan cuba melaksanakan projek ini supaya dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk luar bandar.

Berkenaan dengan kriteria, Tuan Yang di-Pertua, kita membekalkan elektrik iaitu disambung dari kawasan ke kawasan bermula daripada tempat ia dibekalkan. Kalau kawasan itu merupakan kawasan pedalaman, ia tidak mungkin akan mendapat bekalan elektrik sehingga kawasan

yang sebelumnya mendapat bekalan elektrik dan ini juga bergantung kepada keadaan-keadaan ataupun jumlah penduduk. Sebagaimana yang kita sedia maklum, ada kalanya kita terpaksa membelanjakan \$10,000 untuk memasukkan elektrik ke sebuah rumah di kawasan luar bandar.

HOSPITAL DAERAH MUAR— PENCULIKAN BAYI

13. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan Kementerian ini terhadap kes penculikan bayi di wad bersalin Hospital Daerah Muar baru-baru ini. Bagi mengatasi dari berlakunya penculikan pada masa-masa hadapan, apakah Kementerian ini mengenakan tindakan ke atas mereka yang terlibat.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan kes penculikan bayi di Hospital Daerah Muar, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa tindakan untuk mengetatkan lagi keselamatan bayi di wad-wad di Hospital Daerah Muar.

Langkah-langkah ini ialah:

- (1) sentiasa menutup pintu masuk/keluar wad-wad Postnatal dan Nursery;
- (2) memasang loceng panggilan di wad Postnatal dan Nurseri untuk memudahkan kakitangan dan pelawat masuk ke wad;
- (3) ibu-ibu di wad Postnatal diberi nasihat supaya menjaga keselamatan bayi mereka dan bekerjasama dengan pihak hospital dan memberitahu kakitangan jika ada orang-orang luar masuk ke wad;
- (4) kakitangan yang bertugas di wad Postnatal dan Nurseri tidak dibenarkan meninggalkan wad tanpa ganti atau kakitangan yang lain menggantikan mereka; dan

- (5) peraturan baru melawat hospital diwujudkan dengan menggunakan pas, menghadkan kenderaan masuk dan juga membenarkan lawatan pesakit hanya pada waktu melawat yang ditetapkan.

Bagi kakitangan yang terlibat dalam kejadian yang malang ini, tindakan tatatertib sedang diambil.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada siasatan yang dibuat oleh Kementerian kepada siapakah bayi-bayi yang diculik dari hospital itu dijual dan adakah penculikan bayi-bayi mempunyai kaitan dengan sindiket-sindiket jenayah yang memerlukan bayi untuk aktiviti-aktiviti seperti penyeludupan dadah dengan menggunakan tubuh badan bayi?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, mungkin pihak polis sahaja yang dapat mengesahkan itu. Saya tidak dapat pada masa ini memberi apa jua "lead" mengenai soal itu.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab harga bayi di pasaran "black market"¹ sangat tinggi iaitu lebih kurang \$8,000 hingga \$10,000 seorang bayi, ada sindiket-sindiket yang mahu mencuri bayi-bayi dari hospital-hospital. Adakah pihak Kementerian mempunyai sistem keselamatan untuk semua wad-wad bersalin untuk mencegah kidnapping ini?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu mengenai pasaran gelap dalam perniagaan bayi atau kanak-kanak. Tetapi di hospital-hospital, inilah kes yang pertama di mana kejadian yang disyaki sebagai penculikan berlaku. Jadi tidak betul mengatakan bahawa ada banyak kes penculikan dari hospital. Tetapi

hospital-hospital di merata negara telah pun dinasihatkan untuk berjaga-jaga.

YURAN PENGAJIAN UNIVERSITI LUAR NEGERI

14. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan sudah mengenalpasti Universiti-universiti luar negeri yang mengenakan perbelanjaan atau yuran paling tinggi bagi persekolahan/khususnya kepada pelajar-pelajar Malaysia setakat ini. Bagi mengurangkan sedikit beban perbelanjaan Kerajaan atau bagi mengurangkan jumlah wang negara mengalir keluar adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan siri perundingan dengan universiti-universiti tersebut atau mengkaji secara terperinci bagi mengatasi masalah itu dengan mengadakan penyesuaian baru dalam segala aspek untuk pelajaran di luar negeri. Nyatakan apakah langkah yang sedang dijalankan sekarang. Berapa banyakkah wang yang dibelanjakan bagi tahun 1987 untuk tujuan tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan belum mengenalpasti universiti-universiti luar negeri yang mengenakan yuran pengajian yang paling tinggi dan Kerajaan belum bercadang untuk mengadakan siri perundingan dengan universiti-universiti tersebut bagi mengurangkan perbelanjaan Kerajaan.

Dasar mengenai penempatan pelajar-pelajar mengikut universiti di luar negeri adalah berasaskan kepada kursus-kursus yang ditawarkan oleh universiti-universiti di luar negeri sama ada ianya bersesuaian dengan kehendak keperluan tenaga terlatih yang dirancang oleh Kerajaan, mutu sesebuah universiti itu dan kos

pengajian yang dikenakan oleh sesebuah universiti dalam lingkungan Bagaimanapun, sebagai langkah

untuk mengurangkan perbelanjaan, Kerajaan telah memutuskan untuk mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar tajaan Kerajaan ke luar negeri. Pelajar-pelajar hanya dihantar ke luar negeri bagi mengikuti kursus-kursus yang tidak terdapat di universiti tempatan atau bagi kursus-kursus yang tempatnya terhad yang dapat disediakan oleh universiti-universiti tempatan. Sebagai usaha untuk mengurangkan kos penghantaran pelajar-pelajar ke luar negeri, Kerajaan memutuskan supaya diadakan program "linkages", dengan izin, antara institusi pengajian tinggi tempatan dan di luar negeri di mana program tahun satu dan dua diadakan di dalam negeri sebelum pelajar-pelajar menyambungkan pengajian di luar negeri.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah institusi yang telah mengadakan hubungan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, sama ada institusi yang dibiayai oleh Kerajaan ataupun swasta. Dan setakat ini dengan langkah yang diambil tadi adakah perbelanjaan telah dikurangkan. Kalau dikurangkan, berapa juta ringgit telah dibiayai untuk menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan senarai-senarai nama-nama universiti yang dapat perhubungan atau "linkages" dengan institusi pengajian tinggi di negeri kita di sini. Tetapi saya difahamkan kolej swasta seperti Mahkota College yang baru ditubuhkan ada linkage dengan Boston University dan Institut Teknologi MARA ada linkages

dengan State University of New York dan dengan beberapa universiti-universiti di Amerika dan saya difahamkan kita ada tinkages dengan universiti-universiti di England dan Australia juga.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini Kerajaan New Zealand telah menaikkan yuran sekolah dan universiti. Sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar maka saya ingin bertanya sama ada Kementerian beliau bercadang untuk merundingkan perkara ini dengan pihak berkuasa di New Zealand memandangkan bahawa ada ramai pelajar-pelajar Malaysia yang sedang belajar di negara New Zealand ini?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan berunding dengan negara-negara yang hendak menaikkan yuran. Saya belum pasti adakah satu rundingan sudah dijalankan dengan Kerajaan New Zealand, tetapi dengan Australia kita sudah ada rundingan, tetapi bolehkah kita dapat satu hasil yang baik itu bergantung keadaan kewangan negara-negara masing-masing.

JALANRAYA—MENYAMBUNG SEMULA

15. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menyambung semula jalanraya Kerajaan yang sekarang ini menghubungi bandar Trusan ke Kampung Puru Sia terus ke Kampung Long Tengoa dan Long Ibau memandangkan kesulitan perjalanan mereka ke bandar. Jika ya, bilakah rancangan ini dilaksanakan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jalanraya yang disebut oleh

Ahli Yang Berhormat adalah jalanraya Negeri. Apa-apa rancangan untuk menyambung jalan tersebut adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri. Oleh itu, terpulanglah kepada Kerajaan Negeri sama ada akan membina jalan berkenaan atau tidak mengikut keutamaan dan mendapatkan peruntukan bagi pelaksanaan pembinaan jalan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 10 dan 16 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).

KERAKYATAN ASING BAGI RAKYAT MALAYSIA

1. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang juga mempunyai kerakyatan asing dan atas asas apa mereka ini dibenarkan memohon kerakyatan negara lain.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan tidak menyimpan perangkaan mengenai bilangan rakyat Malaysia yang juga mempunyai kerakyatan asing (dual citizenship).

Mereka menjadi warganegara asing atas pilihan sendiri dan mengikut Undang-undang/Peraturan-peraturan yang diamalkan oleh negara penerima.

ELETRIK KE PEKAN NABAWAN—BEKALAN

2. Tuan Taimin Lumaing minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan adakah pihak Kementerian ada cadangan dan memberi peruntukan keutamaan supaya bekalan tenaga letrik yang hanya ditumpukan sahaja di Pekan

Nabawan itu diperluaskan lagi ke kampung-kampung berhampiran dengan Pekan Nabawan seperti Kampung Bahagia, Munni, Melinja, Lima dan Enam.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Usaha-usaha telah dan sedang dijalankan untuk memperluaskan bekalan elektrik ke sekitar Pekan Nabawan. Bagi Kampung Munni, projek ini telah pun siap pada tahun 1985 dengan belanja sebanyak \$156,000 bagi faedah 180 pengguna. Bagi Kampung Lima pula, ianya telah dimasukkan ke dalam cadangan pelaksanaan tahun 1988 dengan anggaran kos sebanyak \$500,000 untuk faedah 190 pengguna. Manakala bagi Kampung Bahagia, Kampung Melinja dan Kampung Enam pula bekalan akan dilaksanakan pada tahun-tahun yang akan datang.

Perlu ditegaskan iaitu sememangnya hasrat Kerajaan untuk memperluaskan bekalan elektrik ke seluruh kawasan luar bandar termasuklah di kawasan Pekan Nabawan. Walau bagaimanapun sebagaimana Ahli Y.B. tentu sedia maklum, hasrat itu tentu sekali tidak dapat dilaksanakan secara sekali gus tetapi terpaksa dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

BAYARAN LESEN KENDERAAN MOTOR

10. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Pengangkutan menyatakan penjelasan tentang kenyataan yang pernah diberikan di suatu masa dulu ketika menjawab satu soalan bagi jawab mulut yang bertanya sama ada Kerajaan dapat mempertimbangkan pengurangan kadar cukai jalan raya yang sedang berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak sekarang ini memandangkan taraf jalan raya di negeri itu masih jauh lebih rendah

dibandingkan dengan keadaan jalan-jalan raya yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Dalam jawapan yang diberikan ketika itu, Kerajaan bersedia untuk membuat kajian dalam perkara itu. Maka sudahkah Kerajaan membuat kajian ke atas perkara itu. Kalau sudah, apakah ada kemungkinan boleh dipertimbangkan pengurangan kadar yang dipohonkan itu; dan kalau belum, bila agaknya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Adalah benar bahawa pada 1 Disember 1987, saya telah menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa pihak Kerajaan bersedia untuk mengkaji semula bayaran lesen kenderaan motor bagi kenderaan-kenderaan di Sabah dan Sarawak dengan mengambilkira alasan-alasan yang kukuh daripada para pemilik dan pengusaha kenderaan di kedua-dua buah negeri tersebut.

2. Bagi kenderaan bukan saloon milik persendirian yang berenjin diesel, seperti yang saya telah pun jawab pada 31 Oktober 1988 cadangan penurunan bayaran lesen kenderaan motor bagi kategori ini telah dirujuk kepada agensi pusat. Ketika ini agensi pusat berkenaan telah memberi persetujuannya dan Kementerian Pengangkutan sedang mengambil tindakan untuk meminda kaedah-kaedah berkenaan supaya bayaran yang lebih rendah dapat dikenakan pada awal tahun 1989.

3. Kementerian Pehangkutan bersama Jabatan Pengangkutan Jalan juga sedang mengkaji semula kadar lesen kenderaan motor yang ketika ini lebih tinggi di Sabah dan Sarawak jika berbanding dengan kadar bagi kenderaan jenis-jenis yang sama di Semenanjung Malaysia supaya ianya diturunkan ke paras yang lebih adil. Seperti penurunan kadar bagi kategori kenderaan bukan saloon yang tersebut

tadi, hasil kajian ini akan juga dirundingkan dengan agensi pusat berkenaan sebelum keputusan muktamad dibuat oleh pihak Kerajaan.

SYARIKAT INSURANS GAGAL BAYAR TUNTUTAN

16. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kewangan menyatakan syarikat insuran yang mana mengalami masalah kewangan dan adakah Kerajaan akan mengambil alih tanggungan-tanggungan syarikat-syarikatnya jika mereka gagal membayar tuntutan yang telah diputuskan oleh Mahkamah, jika tidak, beri sebab-sebab. Adakah Kerajaan sedar bahawa beberapa syarikat insuran yang membuat bayaran cara ansuran bagi tuntutan-tuntutan yang diputuskan oleh Mahkamah dan apakah langkah-langkah Kerajaan akan atnbil untuk mengatasi masalah.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Jawapan kepada pertanyaan mengenai syarikat insurans yang menghadapi masalah kewangan telah pun diberikan di Dewan ini semasa menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Petating Jaya pada 18 Oktober, 1988. Dengan itu saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanggungan-tanggungan syarikat insurans yang gagal membayar tuntutan yang telah diputuskan oleh Mahkamah kerana menghadapi masalah kewangan, tidak akan diambilalih oleh Kerajaan kerana tidak ada peruntukan dalam Akta Insurans yang membolehkan pihak Kerajaan berbuat demikian. Dalam kes-kes seumpama ini, pihak Kerajaan akan mengarahkan syarikat-syarikat insurans berkenaan supaya

menambah modal dibayar masing-masing sama ada melalui pemegang-pemegang saham yang sedia ada atau dengan cara mengeluarkan saham-saham baru kepada pihak-pihak yang berkemampuan membelinya.

Mengenai bayaran secara ansuran oleh setengah-setengah syarikat insurans ke atas tuntutan-tuntutan yang telah diputuskan oleh Mahkamah sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, Kementerian saya tidak mengetahui mengenai perkara itu dan setakat ini tidak ada aduan yang diterima oleh Bank Negara berhubung dengan perkara tersebut. Oleh itu pihak-pihak yang terlibat dalam masalah pembayaran secara ansuran ini bolehlah melaporkannya kepada Bank Negara untuk siasatan dan tindakan selanjutnya.

AJARAN SESAT

17. Tuan Zubir bin Embong minta Perdana Menteri menyatakan apakah beliau sedar tentang kesalahfahaman terhadap Islam amat berleluasa di kalangan umat Islam di negara ini mulai dari ajaran sesat hingga kepada beberapa tindakan atas nama Islam. Apakah Kerajaan bercadang untuk membuat kajian kepada permasalahan dan memikirkan jalan dan cara bagi mengatasi perkara ini untuk melumpuhkan konsep Islamisasi di dalam pentadbiran dan pemerintahan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Kumpulan membawa ajaran sesat atau menyeleweng, kumpulan yang membawa aliran fahaman ekstrim, kumpulan menggunakan agama untuk mencapai matlamat gerakan dan orang-orang yang mendakwa ulamak mentatsir al-Ouran dan Hadith mengikut selera sendiri, semuanya ini bukanlah perkara baru. Kumpulan-kumpulan

seperti ini timbul dan tenggelam silih berganti dari masa ke semasa.

Kerajaan sentiasa mengawasi perkembangan dan suasana yang berlaku dalam masyarakat. Penyelidikan dan siasatan diadakan dari masa ke semasa bila mana timbul sesuatu gerakan atau kumpulan yang disyaki membawa aliran fahaman agama yang tidak sihat atau yang boleh mengancam keselamatan dan keamanan negara. Tindakan-tindakan yang sesuai juga diambil dari semasa ke semasa bagi membendung dan membasmi gejala-gejala yang merosakkan itu sama ada di bawah undang-undang pentadbiran agama Islam dan juga di bawah undang-undang mengawal ketenteraman dan keselamatan negara. Di samping itu Kerajaan telah melipatgandakan kegiatan dakwah Islamiah bagi mempertingkatkan fahaman dan tahap pengetahuan agama Islam umat Islam di negara ini serta penghayatannya. Kerajaan berpendapat dakwah adalah cara yang paling berkesan bagi mencegah dan menghapuskan ajaran-ajaran sesat dan ajaran agama yang mengelirukan.

LAPANGAN TERBANG TUDM— PEMBESARAN

18. Tuan Haji. Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (i) apakah langkah-langkah Kementerian untuk membesarkan lapangan terbang TUDM di seluruh negara. Bagaimana pula kedudukan projek pembesaran lapangan terbang di Gong Kedak, Kelantan yang telah diura-urakan perlaksananya pada tahun 1985;
- (ii) sebagai sebuah negara yang aman, bebas dan berkecuali, apakah implikasinya jika

Malaysia membuat kapal selam dan senjata perang sendiri. Benarkah Kerajaan Malaysia akan membuat kapal selam dan senjata perangnya sendiri. Kalau benar, bilakah akan dimulakan dan bagaimana bentuk perlaksanaannya. Apakah projek ini tidak bertentangan dengan konsep aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN) yang diamalkan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian Pertahanan sedang melaksanakan projek pemanjangan landasan terbang Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) Labuan serta pembinaan fasilitas teknikal yang berkaitan. Kementerian Pertahanan tidak ada rancangan untuk memanjangkan lain-lain landasan terbangnya, kerana landasan terbang yang sedia ada adalah mencukupi.

Mengenai kedudukan pembinaan landasan terbang Gong Kedak pula, sekali lagi saya nyatakan di sini projek ini terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu. Walau bagaimanapun projek ini masih lagi dalam rancangan dan perlaksanaannya akan dijalankan berperingkat apabila peruntukan kewangan mengizinkan.

- (i) Seboleh-bolehnya Malaysia berhasrat untuk berdikari atau (self-reliance) di bidang tertentu dalam pengeluaran alat kelengkapan untuk pertahanan. Tetapi ini tidak bermakna bahawa Malaysia perlu mengeluarkan semua alat kelengkapan dan sistem persenjataan yang diperlukan oleh Angkatan Tentera. Faktor ekonomi perlu

diambilkira. Umpamanya, adalah tidak menguntungkan jika Malaysia cuba mengeluarkan alat kelengkapan dan sistem persenjataan yang tidak digunakan dengan banyaknya oleh Angkatan Tentera Malaysia. Atas hakikat ini dasar Kerajaan adalah untuk mengeluarkan alat kelengkapan dan sistem persenjataan yang strategik, untuk menentukan supaya Angkatan Tentera Malaysia tidak akan terlalu bergantung kepada bekalan luar semasa sengketa atau kekacauan berlaku. Untuk maksud ini pendekatan tertentu telah pun diambil untuk mengeluarkan senjata kecil, dan juga alat-alat kelengkapan. Walau bagaimanapun, ini akan tertakluk kepada kemampuan negara. Dalam hal ini, kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk membina kapal selam sendiri.

Usaha untuk mencapai taraf berdikari (self-reliance) dalam bidang-bidang tertentu tidak menjejaskan matlamat kita untuk mengwujudkan rantau ini sebagai rantau aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN). Malah ianya harus dianggap sebagai pendekatan yang boleh mengukuhkan ketahanan nasional dan seterusnya ketahanan serantau.

HAKIM—JUMLAH

19. **Tuan Law Lal Heng** minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) jumlah Hakim yang ada di negara mengikut kategori; dan
- (b) apakah kriteria yang digunakan untuk melantik seorang Hakim.

**Timbalan Menteri di Jabatan
Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):**

(a) Jumlah Hakim yang ada di negara mengikut kategori adalah seperti berikut:

- (i) Ketua Hakim - 1 orang
Negara
- (ii) Hakim Besar — 1 orang (pada masa ini terdapat 1 kekosongan)
- (iii) Hakim Besar — 1 orang
- (iv) Hakim Mahkamah — 6 orang (pada masa ini terdapat 1 kekosongan)
- (v) Hakim Mahkamah — 26 orang (pada masa ini terdapat 1 kekosongan)
- (vi) Hakim Mahkamah — 7 orang (pada masa ini terdapat 1 kekosongan)

(b) Di bawah Perkara 123 Perlembagaan Malaysia diperuntukkan bahawa seseorang adalah berkelayakan di lantik sebagai Hakim Mahkamah Agung atau sebagai Hakim mana-mana Mahkamah Tinggi jika:

- (i) ia adalah seorang warganegara; dan
- (ii) Dalam masa sepuluh tahun sebelum perlantikan ia telah menjadi Peguam bagi Mahkamah-mahkamah tersebut atau mana-mana satu daripada Mahkamah itu ataupun menjadi anggota bagi Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang Persekutuan atau Perkhidmatan Undang-undang sesuatu Negeri, atau pada suatu masa lain berkhidmat sebagai anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang Persekutuan. Perlantikan seseorang Hakim pula dibuat di bawah Perkara 122B di

mana diperuntukkan bahawa seseorang yang memenuhi syarat kelayakan di bawah Perkara 123 yang disebutkan tadi, dilantik oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Y.A.B. Perdana Menteri setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja. Sebeium memberi nasihat Y.A.B. Perdana Menteri hendaklah meminta fikiran Ketua Hakim Negara.

**KETUA HAKIM NEGARA—
PEMECATAN**

20. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kehakiman menyatakan apakah beliau sedar bahawa langkah yang diambil oleh Kerajaan terhadap pemecatan Ketua Hakim Negara adalah satu campur tangan politik ke atas kebebasan kejaksaan negara. Adakah beliau tahu bahawa langkah itu meletakkan sistem kehakiman negara begitu rendah pada pandangan dunia.

Dato' Oo Gin Sun: Seseorang Hakim termasuk Ketua Hakim Negara adalah tidak bebas bertindak mengikut sesuka hatinya. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seseorang hakim bolehlah dipecat atas alasan salah laku. Perlembagaan juga memperuntukkan prosidur bagi memecat seseorang hakim.

Seperti termaklum, Ketua Hakim Negara telah dipecat atas alasan yang dibenarkan oleh perlembagaan dan mengikut prosidur yang ditentukan. Oleh- itu tindakan memecat Ketua Hakim Negara tidak boleh dikatakan sebagai campur tangan politik dalam hal ehwal badan kehakiman.

**USUL MENANGGUHKAN
MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT
18**

**BANJIR DAN PUSAT
PEMULIHAN**

3.35 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mencadangkan:

Bahawa Dewan ini di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1) ditangguhkan untuk membincangkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai, yang perlu disegerakan iaitu berkenaan dengan keadaan banjir yang melanda hampir seluruh bahagian Pantai Timur iaitu negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang dan keadaan di beberapa negeri mungkin bertambah buruk. Keadaan banjir juga melanda negeri Kedah, Perak, Perlis, Johor dan Melaka.

Mangsa-mangsa banjir yang dipindahkan di negeri-negeri berkenaan sehingga hari ini melebihi 64,000 orang. Sudah 22 orang terkorban dalam banjir yang melanda 9 buah negeri sehingga waktu ini. Keadaan di beberapa negeri khususnya di Kelantan bertambah buruk. Seramai 28,277 orang telah dipindahkan di Kelantan, 4,073 di Terengganu, 13,426 orang di Pahang, 16,737 orang di Kedah, lebih 3,000 orang di Perlis dan lebih 1,000 orang dipindahkan di Johor.

Beberapa jalan raya telah terputus dan jalan perhubungan di antara satu tempat ke satu tempat yang lain tidak dapat digunakan. Hubungan di antara Kuala Terengganu dan Kota Bharu melalui jalan utama terputus kerana dinaiki air.

Murid-niurid sekolah yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran

Malaysia (SPM), Sijil Pelajaran Vokasidnal Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia tidak dapat menduduki peperiksaan itu kerana kawasan-kawasan berkenaan dilanda banjir dengan buruknya.

Bahawa perkara ini adalah kepentingan orang ramai kerana keadaan banjir yang buruk begini lebih merupakan bencana alam negara. Di 9 buah negeri yang dilanda banjir ini rakyat telah kehilangan hartabenda yang bernilai berjuta-juta ringgit. Kemudahan-kemudahan asas dan kepentingan kanak-kanak sekolah hendak menduduki peperiksaan tergendala dan perkara demikian boleh menimbulkan berbagai-bagai keburukan kelak kepada rakyat yang malang itu.

Bahawa perkara ini adalah kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan dan harus dibincang kerana menurut laporan keadaan di kebanyakan negeri-negeri tersebut semakin bertambah buruk dan lebih ramai lagi rakyat akan menderita dan perlu dibantu dan ditolongi.

Perkara demikian tidak boleh dilengah-lengahkan lagi kerana jika keadaan banjir yang sudah begitu buruk ini berterusan, mungkin pihak berkuasa tempatan tidak dapat menampung keadaan dan kita akan menghadapi kekurangan pusat pemindahan banjir dan lain-lain kemudahan untuk membantu mangsa banjir. Sekian. *(Tepuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya telah menerima satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen Kawasan Bukit Bintang berkenaan dengan keadaan banjir yang melanda negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang dan juga Kedah, Perlis, Perak, Johor dan Melaka. Teks usul Ahli Yang

Berhormat itu adalah seperti yang dibacakan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua mengakui peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (2) hendaklah menolak permintaan untuk menangguhkan mesyuarat, kecuali jika dia berpuashati bahawa perkara yang dibangkitkan itu menepati 3 syarat, iaitu:

- (i) perkara itu tertentu;
- (ii) perkara itu bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) perkara itu berkehendak disegerakan perbincangannya.

Saya telah meneliti perkara yang dibangkitkan itu dan saya dapati dan bersetuju:

- (i) perkara itu tertentu;
- (ii) ia bagi kepentingan orang ramai;

tetapi saya tidak bersetuju Dewan ini ditangguhkan untuk membahaskan perkara yang berkenaan sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana Kerajaan telah mengambil segala tindakan yang perlu untuk membantu mangsa banjir. Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi tiap-tiap peringkat Negeri adalah seperti berikut:

- (i) membuka bilik operasi selama 24 jam;
- (ii) mewujudkan komunikasi mengenai amaran paras air yang merbahaya;
- (iii) menyediakan pusat-pusat pemindahan, bot-bot dan kenderaan-kenderaan kegunaan pemindahan;
- (iv) membekalkan barang-barang keperluan iaitu makanan, pakaian, selimut dan perubatan.

Kepada calon-calon yang sedang menghadapi peperiksaan yang bermula pada 10hb November, 1988, Kementerian Pendidikan telah

memutuskan supaya semua pepehiksaan ditangguhkan dari 22hb November, 1988 sehingga 25hb November, 1988. Penangguhan ini adalah disebabkan ramai calon terlibat dengan banjir dan mengganggu persediaan mereka menghadapi peperiksaan. Kementerian Pendidikan akan menyambung semula peperiksaan mulai daripada 26hb November, 1988. Walaupun kejadian banjir pada tahun ini lebih teruk dari tahun-tahun yang lalu pihak Kerajaan telah mengambil tindakan sewajarnya untuk menghadapinya. Segala bentuk bantuan telah diberi dengan segera bagi mengurangkan kesengsaraan rakyat di mana sehingga kini kebajikan rakyat telah terpelihara. Bantuan kepada mangsa banjir akan diteruskan walau apa pun keadaan dan Kerajaan boleh mengisytiharkan kawasan bencana banjir jika perlu.

Sebentar tadi saya telah menerima perutusan daripada Dato' Mohamed Rahmat dari Kelantan di mana beliau bersama-sama dengan Perdana Menteri untuk melawat keadaan di sana. Keadaan banjir telah turun dan terkawal. Mangsa-mangsa banjir mulai pulang ke rumah. Perdana Menteri yang kita kasihi berpuashati bahawa segala-galanya di bawah kontrol. Oleh kerana itu, saya menolak usul Yang Berhormat itu.

3.44ptg.

USUL MENGENAI PELANGGARAN HAK DAN KEBEBASAN

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan 26 (1) (p).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk! Saya tidak benarkan.

Tuan Gooi Hock Seng: 26 (1) (p), usul tanpa notis. Saya ingin menarik

perhatian Dewan ini bahawa Yang Berhormat Dato' Megat Junid bin Megat Ayob telah melanggar hak dan kebebasan Parlimen pada 2hb November, 1988 apabila beliau membuat fitnah yang langsung tidak berasas kepada Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh, Tuan Lau Dak Kee dan Tuan Lim Guan Eng, bahawa mereka mencuri-curi makan pada masa mogok lapar yang dijalankan oleh tahanan-tahanan ISA baru-baru ini dan beliau tidak bertanggungjawab dan takut mengulangkan fitnah-fitnah di luar Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk sekejap. Sebelum Yang Berhormat memberi tahu saya supaya usul ini dibangkitkan di Dewan ini Yang Berhormat perlu memberi notis kepada saya untuk meneliti teks ucapan itu. Saya tidak benarkan Yang Berhormat meneruskan.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, tetapi mengikut Peraturan 26(\)(p).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Gooi Hock Seng:ada diperaturan 26 (1) (p).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya tidak benarkan. Yang Berhormat, duduk!

Tuan Gooi Hock Seng: Yang menyatakan tanpa notis. Bolehkah saya baca peraturan itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya faham Yang Berhormat, tetapi Yang Berhormat perlu memberi notis kepada saya untuk melihat surat dan apa jua.

Tuan Gooi Hock Seng: Kalau Yang di-Pertua faham syarat ini, peraturan 26 (1) (p).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya faham Yang Berhormat. Yang Berhormat, duduk!

Tuan Gooi Hock Seng: Dia kata tanpa notis—tidak ada notis perlu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta Yang Berhormat duduk!

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya habiskan apa yang saya ingin kata?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau tidak saya panggil Bentara untuk keluarkan Yang Berhormat. Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Gooi Hock Seng: Boleh saya baca peraturan ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya tidak benarkan Yang Berhormat.

Tuan Gooi Hock Seng: Kalau tidak boleh, bolehkah Tuan Yang di-Pertua membuat satu ruling?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta Bentara keluarkan Yang Berhormat ini.

Tuan Gooi Hock Seng: Bolehkah Yang Berhormat membuat satu ruling tentang Peraturan 26 (1) (p)?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Bentara, sila keluarkan Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, buat satu ruling.

Tuan Lee Lam Thye: Beri satu arahan.

Beberapa Ahli: Beri satu arahan.

Tuan Gooi Hock Seng: Beri satu ruling tentang perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila keluar!

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang, sila duduk!

Tuan Lee Lam Thye: Saya berpendapat bahawa keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua tidak adil oleh kerana apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bendera sangat terang dan sekiranya dia hendak membuat satu usul, ini boleh dibuat tanpa notis.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang, sila duduk! Saya minta Yang Berhormat dari Bukit Bendera keluar Dewan.

Tuan Lee Lam Thye: Kami rasa bahawa keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah tidak adil dan kami akan walk-out untuk membantah.

Beberapa Ahli: Walk-out, kita bantah.

Tuan Gooi Hock Seng: 26 (1) (*p*), ada kata tanpa notis.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bendera, keluar!

Tuan Gooi Hock Seng: Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua beri satu ruling, bukan kita ingin metanggar peraturan ini. Beri satu ruling.

(*Y.B. Tuan Gooi Hock Seng dan Y.B. Ahli-ahli DAP keluar Dewan diiringi oleh Bentara Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1989

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1989 dan Anggaran Pembangunan, 1989 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (*Hari Kesepuluh*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(*Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.33 (Jadual)—

Maksud P.33 (Anggaran Pembangunan, 1989)—

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat dari Maran meneruskan ucapannya, suka saya memberi tahu bahawa Menteri akan menjawab pada jam kurang suku pukul 5.00 petang ini. Dijemput Yang Berhormat dari Maran.

3.47ptg,

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Terima kasih, Tuan

Pengerusi. Saya ingin menyambung perbahasan saya semalam mengenai dengan Maksud B.33—Kementerian Perusahaan Awam. Saya telah merujuk kepada muka surat 151, Butiran 020000—Program dan Aktiviti 020100, iaitu Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Semenanjung.

Tuan Pengerusi, memang ramai di antara rakyat kita yang berkehendakkan lesen, sama ada lesen teksi dan sebagainya, dan beberapa peraturan tertentu telah dikenakan kepada sesiapa yang memohon lesen-lesen ini. Tetapi yang saya hendak kemukakan di sini ialah setelah mereka dipanggil temuduga untuk mendapatkan satu lesen, manakala permohonan mereka itu telah ditolak, saya percaya mereka ini yang dipanggil temuduga sudah tentu memenuhi segala syarat-syarat. Kalau sekiranya mereka tidak memenuhi syarat, sudah barang tentu mereka ditolak dari awal-awal lagi. Apabila mereka telah ditemuduga dan ditolak, mereka telah berpeluang merayu dan mereka telah membuat rayuan dalam masa yang ditetapkan. Tetapi setelah rayuan dibuat, rayuan juga ditolak. Sedangkan pemohon ini memang berniat dan berhajat besar untuk mendapatkan lesen. Jadi, apakah yang patut dilaksanakan oleh orang yang terlibat kerana setelah ditemuduga pertama ditolak, rayuan ditolak, kemudian apa lagi mereka hendak buat. Adakah mereka mesti memohon semula dan ditolak, dan merayu dan ditolak dan berterusan. Adakah mereka ini akan diberikan pertimbangan seterusnya di masa-masa yang akan datang, kerana mereka ini telah pernah ditemuduga, telah pernah merayu tetapi ditolak.

Saya mengharapkan supaya Kementerian mengambil perhatian, tambahan pula mereka yang memohon itu merupakan orang-orang yang benar-benar terhajat dan

berkehendakkan lesen-lesen berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu juga setakat ini berapa banyak lesen teksi yang telah kita keluarkan dan berapa banyak pula telah ditarik balik kerana mereka telah melanggar syarat-syarat yang dikenakan.

Perkara lain, Tuan Pengerusi, ialah mengenai lesen-lesen bas ekspres. Setengah-setengah tempat kita telah memberikan lesen bas secara pengangkutan runcit tetapi kadangkala penduduk-penduduk di kawasan tersebut memerlukan ekspres bagi menentukan mereka boleh sampai ke tempat yang jauh dengan menggunakan ekspres tanpa menggunakan bas runcit-runcit. Apa yang kedapatan sekarang ialah tempat yang sepatutnya diadakan ekspres itu tidak dapat, tetapi ada ekspres-ekspres yang secara tidak halal ataupun haram masuk ke situ dan memang mendapat sambutan baik daripada orang-orang di tempat itu. Jadi, adakah Kementerian akan mengambil perhatian untuk meluluskan permohonan bas ekspres kalau sekiranya permohonan diminta bagi tempat yang berkenaan, contohnya ialah di Jengka Pusat, kawasan saya sendiri.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 152, Butiran 040000—Perbadanan Pembangunan Bandar yang mana anggaran 1989 telah diperuntukkan sebanyak \$7,500,000.

Pembangunan Bandar ini adalah perlu dan kita perhatikan peruntukan ini agak sedikit kurang daripada tahun 1988. Saya hanya ingin tahu apakah projek-projek yang akan dilaksanakan di bawah peruntukan ini dan di manakah projek-projek ini akan dilaksanakan bagi tahun 1989.

Saya pula ingin berpindah kepada muka surat yang sama, 152, iaitu di

bawah Maksud Pembangunan P.33, Butiran (Projek) 00100—Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri, yang mana Kerajaan memperuntukkan bagi tahun 1989 ialah \$35,728,000, ini pun agak berkurangan dengan tahun 1988. Adakah ini bererti Kerajaan-kerajaan Negeri di Semenanjung—maksud saya Semenanjung Malaysia, ialah banyak membuat projek-projek dan tidak perlu lagi kepada pinjaman-pinjaman. Jadi daripada jumlah ini, apakah projek-projek yang akan dilaksanakan dan negeri-negeri manakah yang memohon peruntukan ini bagi tahun 1989.

Saya juga ingin bertanya setakat ini adakah benar Kerajaan-kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik kepada Kerajaan Persekutuan, pinjaman-pinjaman yang telah dilakukan di masa-masa yang talu kerana kita berkeyakinan bahawa kesemua pinjaman boleh dibayar oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Saya percaya kalau sekiranya bayaran balik itu boleh dilakukan dengan baik, jadi sepatutnyalah kita akan memberi lagi apa-apa projek yang akan dilaksanakan oleh negeri-negeri bagi memohon pinjaman, kerana kalau sekiranya mereka boleh sanggup membayar dengan baik, sudah barang tentu menunjukkan apa-apa projek yang dilaksanakan di negeri-negeri masing-masing adalah mendapat sambutan yang baik. Jadi, perlulah kita menimbangkan lagi sekiranya ada permohonan-permohonan daripada negeri-negeri yang berkenaan.

Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban); (Bangun)

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap, duduk dahulu!

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam atau sehingga peruntukan bagi Kementerian Kesihatan telah selesai dipertimbangkan, ikut mana yang terdahulu.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, sepertimana yang dicadangkan sebentar tadi, disetujui.

Usut dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam atau sehingga peruntukan bagi Kementerian Kesihatan telah selesai dipertimbangkan, ikut mana yang terdahulu.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1989**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, teruskan.

3.55 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membangkitkan satu perkara sahaja dalam Kementerian Perusahaan Awam ini mengenai Maksud B.33.

Tuan Pengerusi, Maksud B.33, muka surat 151, Butiran 020000—Perlesenan. Program 020100—Lembaga Perlesenan Pengangkutan Jalan Semenanjung yang diperuntukkan sebanyak \$1,841,300.

Tujuan aktiviti perlesenan kenderaan perdagangan di Semenanjung ini antaranya supaya memastikan pengangkutan awam mencukupi dan berjalan licin. Saya menyokong penuh matlamat ini terutama apabila kita sama-sama mendapati kotaraya Kuala Lumpur dan lain-lain kota besar di Semenanjung dilanda oleh kesesakan kenderaan terutama di waktu kanak-kanak hendak ke sekolah dan kakitangan Kerajaan hendak ke pejabat dan di waktu mereka pulang dari sekolah dan pejabat.

Tuan Pengerusi, kesesakan ini menyebabkan kanak-kanak di Kuala Lumpur terpaksa bangun terlalu awal dan dalam suasana gelap lagi anak-anak gadis sudah keluar untuk menuju ke sekolah sekalipun keadaan ini tidak

manis, ia terpaksa dihadapi bagi mengelakkan dari kesesakan dan terlewat tiba.

Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat untuk menyebutkan masalah yang terpaksa dihadapi. Apa yang saya hendak sebutkan antara yang menyebabkan kekalutan berlaku ialah sistem kenderaan awam yang tidak teratur. Kenderaan awam yang disediakan untuk Kuala Lumpur misalnya ialah bas, mini bas dan teksi, Bertambahnya kenderaan awam itu menambahkan bilangan kenderaan yang menggunakan jalan-jalan dan lorong kotor. Perkhidmatan kenderaan awam yang ada tidak mencukupi keperluan orang ramai. Orang terpaksa menggunakan kenderaan sendiri. Tidak mudah bagi pekerja atau kanak-kanak sekolah untuk berkongsi kenderaan disebabkan oleh tempat tinggal dan tempat kerja yang tidak sama.

Tuan Pengerusi, kalau kenderaan tidak teratur, orang-orang yang terpaksa banyak menggunakan perjalanan terpaksa menggunakan kenderaan sendiri, kalau tidak, urusannya tidak beres. Bila kenderaan sendiri digunakan, ia menambah lagi kesesakan kota. Pernah Bandaraya Kuala Lumpur merancang untuk mengadakan sistem pengangkutan awam yang lebih teratur, termoden seperti relkar dan sebagainya, tetapi hingga ini tidak ada apa yang nampak. Boleh jadi Datuk Bandar kita lebih menumpukan soal badminton dan bola, maka soal kenderaan awam belum dapat diatasi.

Kementerian hendaklah mengadakan rundingan yang segera bagi memastikan hal ini diatasi seberapa segera, lagi lama ditunggu, lagi banyak masalah. Kebanyakan kota besar di dunia menggunakan keretapi bawah tanah dan perkhidmatan relkar yang menghubungkan setiap bahagian

dalam kota itu, disediakan perhentian dalam jangka yang mudah didatangi oleh penumpang dan menggunakan perkhidmatannya, orang ramai boleh sampai ke matlamatnya dengan cepat dan mudah.

Tuan Pengerusi, kenderaan awam yang berbentuk rel ini selain dari ia boleh mengurangkan kesesakan jalan disebabkan ia mempunyai jalan tersendiri, ia mengandungi banyak gerabak. ia pasti akan menjadi kenderaan yang popular yang sekiranya ia dapat diadakan seberapa segera. maka orang akan merasa lebih mudah menggunakannya. Dengan demikian, orang kurang menggunakan motokar sendiri untuk bekerja atau mungkin juga menyebabkan orang kurang memiliki motokar sendiri, kerana kenderaan awam tidak sempurna, orang yang tidak sewajarnya memiliki kereta mahu tidak mahu terpaksa memihki motokar untuk kemudahan. Memiliki motokar menambahkan perbelanjaan; ia menyebabkan ekonomi keluarga terjejas. Bandar-bandar yang sesak seperti Ipoh, Johor Bahru, Pulau Pinang, Alor Setar, Kota Bharu juga patut memikirkan kenderaan rel kerana pertumbuhan penduduk-penduduk sekarang mulai pesat. Dalam waktu yang singkat kota-kota yang tidak begitu besar akan membesar dan ketika itu nanti mungkin banyak masalah atau perbelanjaan mengadakannya tinggi, bagaimanapun rancangan itu mestilah ekonomik dan sesuai dengan keperluan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, berhubung dengan kenderaan awam yang menghubungkan bandar dengan bandar atau negeri dengan negeri, setakat ini banyak bergantung kepada bas ekspres, tetapi perlu juga difikirkan tentang memperbaiki jalan keretapi

supaya keretapi sebagai kenderaan awam dipopularkan lagi, keretapi tidak popular kerana lambat dan khidmatnya tidak banyak. Keretapi yang ada sekarang ialah yang dilaksanakan oleh Kerajaan British dahulu, selepas merdeka tidak ada jalan atau rel baru, malah khidmat tertentu Gemas-Kota Bharu semacam tidak diketahui lagi keadaannya.

Saya mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri minta jalan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bukan di bawah Kementerian Perusahaan Awam, tetapi di bawah Kementerian Pengangkutan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Di bawah Kementerian Pengangkutan.

Terima kasih, jadi tidak dapat saya sambung, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sambung sedikit Yang Berhormat, saya pun tidak tahu, saya baru masuk.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Perkhidmatan railway di bawah Kementerian Pengangkutan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Kalau benar boleh saya habis sedikit sahaja. Boleh?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Bolehlah tetapi saya tidak jawab.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak jawab, tidak bertanggungjawab.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Tuan Pengerusi, penjelasan!

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Penjelasan! Kalau tidak bersangkutan, macam mana hendak bercakap? Point of order pun salah, tidak usah bercakaplah tidak kena.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya mencadangkan supaya persoalan awam melalui rel yang menghubungkan Gemas-Terengganu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Tidak kena, Tuan Pengerusi, itu.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Yang menghubungkan Kelantan-Terengganu-Kuantan Temerloh dan Kuala Lumpur yang menghubungkan Terengganu-Kuala Lumpur, menghubungkan Terengganu-Perak, menghubungkan Kota Bharu-Alor Setar dan sebagainya hendaklah difikirkan bagi memenuhi keperluan kenderaan awam.

Kenderaan awam sama ada untuk keperluan penumpang ataupun mengangkut memang menjadi satu perusahaan yang menarik minat ramai.

Dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dia menarik minat pengusaha bumiputera, Belanjawan ini pun memang dirancang untuk melaksanakan kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Saya menyeru dalam pelaksanaannya, Kementerian janganlah memandang permohonan dari segi dia

atau mereka terdiri dari penyokong parti politik yang tertentu. Setakat ini untuk mendapatkan lesen bas ekspres, lori, basmini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Tuan Pengerusi, point of order 36 (1).

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Seorang Ahli hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Itu saya sedar, Yang Berhormat; apa yang tidak relevant?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
Keretapi itu di bawah Kementerian Pengangkutan. Sekarang ini Kementerian Perusahaan Awam, takkan itu dia masih mahu bercakap, tunggulah Kementerian Pengangkutan. Bukan saya hendak sekat dia, tetapi tidak kena tajuk itu, rugi masa sahaja. Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap dia tidak hendak jawab.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ya, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, Kementerian Pengangkutan belum habis bukan?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya boleh tamatkan kalau Tuan Pengerusi tidak benar, tetapi bila Tuan Pengerusi benar saya cubalah.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa lebih baik Yang Berhormat bercakap pada 29hb di bawah Kementerian Pengangkutan, lebih elok di sana.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Pendek sahaja, sudah hendak habis.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Walau bagaimanapun, sekarang kita bincang Kementerian Perusahaan Awam.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Sandakan.

4.07 *ptg*,

Tuan Fung Ket Wing (Sandakan): Tuan Pengerusi, Butiran 030000 Pengawasan dan Penyelarasan, muka surat 151-152 Belanjawan Persekutuan 1989.

Di bawah Butiran ini, terdapat dua jenis aktiviti iaitu Aktiviti Penyelarasan, Pembangunan dan Pelaburan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN), Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri (PKPN), serta aktiviti pembangunan sektor, iaitu aktiviti agensi-agensi Kerajaan Pusat serta syarikat-syarikat yang terletak di bawah Kementerian Perusahaan Awam. Jumlah besar peruntukan mengurus bagi Butiran 030000 adalah sebanyak \$722,900 bagi tahun 1989.

Tuan Pengerusi, penubuhan Agensi-agensi Luar Belanjawan atau Badan-badan Berkanun oleh Kerajaan adalah untuk membantu menjayakan Dasar Ekonomi Baru (DEB), dalam matlamat-matlamat dasar menyusun semula masyarakat serta membasmi kemiskinan di negara kita.

Malangnya, kebanyakan daripada Badan-badan Berkanun yang ditubuh sama ada oleh Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri, telah gagal dalam objektif mereka. Sebaliknya, Badan-badan Berkanun ini telah menyalur keluar berjuta-juta ringgit yang diperuntukkan sama ada oleh

Kerajaan Pusat atau Negeri. Malahan Kerajaan terpaksa menyelamatkan Badan-badan Berkanun daripada hutang kewangan mereka.

Pada bulan ini, Menteri Perusahaan Awam telah berucap di Lenggong mengatakan bahawa sebilangan besar daripada Anak-anak Syarikat PKEN telah mencapai keuntungan yang memuaskan dan mempunyai potensi untuk disenaraikan di atas papan kedua Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Menteri juga mendakwa bahawa beberapa daripada syarikat ini mencatat keuntungan yang besar manakala yang lain, mengalami kerugian.

Pertama sekali, Yang Berhormat Menteri mesti memberitahu Dewan apakah bilangan PKEN dan syarikat perbadanan serta Anak-anak Syarikat mereka yang sedang beroleh keuntungan dan berapa pula yang mengalami kerugian. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan kewangan syarikat-syarikat yang mengalami kerugian?

Pada masa ini, Yang Berhormat tidak harus tergesa-gesa untuk menyenaraikan Anak-anak Syarikat di papan kedua BSKL. Sebaliknya beliau harus menumpu perhatian terhadap usaha memperbaiki lagi prestasi syarikat-syarikat perbadanan.

Di sini, saya ingin memberi beberapa misalan untuk menyokong kenyataan saya. Koperasi Pembangunan Dewan (KPD) dengan izin, Rural Development Corporation di Sabah mempunyai satu senarai panjang anak-anak syarikat yang menghadapi kesulitan kewangan yang kian bertambah rumit. Pada masa sekarang, ia sedang berusaha untuk menjual sesetengah daripada syarikat-syarikatnya, di samping mendapatkan

rakan-rakan kongsi usahasama, dengan izin, joint-venture. KPD ditubuhkan dalani tahun 1976 bagi memperbaiki taraf hidup golongan miskin di kawasan luar bandar. Kini, ia mempunyai kurang daripada 20 buah projek berbanding dengan 80 buah projek dalam tahun 1980, sementara peruntukan daripada Kerajaan Negeri dikurangkan daripada kira-kira \$86 juta kepada lebih kurang \$4 juta dalam tahun 1987.

Contoh lain adalah Pasar Raya Kojasa, Sabah yang mengalami kerugian besar kira-kira \$23 juta.

Setelah Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri Malaysia, satu siri syarikat perbadanan diarahkan supaya tutup kedai disebabkan kerugian yang amat besar. Nampaknya Kerajaan begitu lekas sekali menghapuskira segala kerugian supaya tidak timbul keperluan untuk bertanggungjawab bagi sebarang penyelewengan, pengurusan salah mahupun amatan-amalan curang yang mungkin telah terjadi. Keadaan sedemikian amat mengecewakan.

Tuan Pengerusi, semasa pembentangan kertas kerja beliau di satu seminar di Desaru mengenai dengan izin, Corporate Revitalisation for Government Enterprises, Ketua Audit Negara, Tan Sri Ishak Tadin, mengkritik perbadanan-perbadanan Kerajaan bagi kawalan kewangan mereka yang lalai. Beliau menekankan bahawa kompromi tidak harus wujud di dalam pelaksanaan kawalan-kawalan kewangan yang digariskan oleh Kerajaan, mahupun dalam penyeliaan kakitangan yang terlibat dalam hal-hal kewangan dan perakaunan.

Menurut betiau, pihak pentadbir dalam syarikat-syarikat perbadanan Kerajaan mengamanah hal-hal kewangan yang melibatkan wang

berjuta-juta ringgit kepada kakitangan mereka tanpa penyeliaan lanjutan ataupun tindakan susulan, dengan izin, follow up, terhadap pengurusan hal-hal tersebut. Malahan sesetengah daripada mereka mengambil sikap yang pentadbiran kewangan adalah semata-matanya tanggungjawab akauntan dan kerani kewangan.

Tugas pentadbir harus tertumpu kepada isu pembangunan, merangka dasar dan membuat keputusan. Oleh itu, mereka tidak harus dibelenggu dengan perkara yang mereka anggap remeh-temeh dan biasa seperti hal-hal kewangan.

Tan Sri Ishak Tadin mengatakan bahawa sikap sedemikian adalah bertentangan dengan semangat pertanggungjawapan kewangan dan tanggungjawab seseorang pegawai Kerajaan seperti yang ditegaskan oleh Perlembagaan dan undang-undang.

Tan Sri Ishak Tadin juga menyatakan bahawa kebanyakan daripada masalah yang timbul dalam perbadanan Kerajaan adalah disebabkan oleh pihak pengurusan yang mengambil sikap "menjauhkan diri" semasa membelanja wang syarikat. Sikap ini telah membuka jalan kepada perbuatan-perbuatan menyalahguna wang dana dan lain-lain penyelewengan.

Menteri Perusahaan Awam juga telah mendakwa.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Point of orderkah Yang Berhormat?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak, kuorum tidak cukup.

Tuan Pengerusi: Bunyikan loceng.
Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira 24 Ahli hadir)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tidak cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Majlis di tangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 4.20 petang.

